



KERATAN AKHIBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHIBAR**

15 SEPTEMBER 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

15 SEPTEMBER 2021 (RABU)

Kaut untung 'atas angin' sekali ganda

Kuala Lumpur: Untung 'atas angin' mencecah sekali ganda. Ia antara punca sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi ke negara jiran Thailand sukar dibendung sejak bertahun-tahun lamanya. Berdasarkan maklumat, peket minyak masak bersubsidi sekilogram (kg) yang ditapakkan kerajaan pada harga RM2.50 boleh dijual menjangkau antara 33.10 bath (RM4.20) hingga 35.45 bath (RM4.50) sepeket di negara jiran itu.

Sumber berkata, sekotak minyak masak Malaysia se-

berat 17 kilogram berharga RM42.50 pula boleh dijual mele过asi harga RM80 di negara jiran.

"Harga ini jelas meningkat berbanding dua tahun lalu apabila minyak masak bersubsidi Malaysia ketika itu dijual pada harga 30 bath (RM3.90) sepeket. Sekotak minyak masak Malaysia (17 kilogram) pula dijual pada RM59."

"Walaupun kita menganggap harga ini tinggi, namun

hakikatnya harga purata minyak masak di Thailand adalah sekitar 42 bath (RM5.30) sekilogram.

"Margin untung bersih diperoleh sindiket amat lumayan berbanding barang subsidi lain seperti minyak jiran itu dijual dengan mengekalkan rupa asal tanpa ditukar peket jenama syarikat pengeluar tempat pada polilog.

"Ini antara cabaran dan punca kesukaran pihak berkusa membanteras sepenuhnya sindiket ini. Usaha membawa keluar minyak masak bersubsidi Malaysia ke

Thailand dalam skala besar tetap dilakukan menggunakan pelbagai taktik sama ada melalui jalan darat, sungai dan laut.

"Kebocoran ini dibuktikan apabila bungkusuan minyak masak polibeg sekilogram (buatan Malaysia) masih mudah ditemui di kedai-kedai runcit dan pasar basah di negara jiran walaupun pintu sempadan negara ditutup sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuaskan 18 Mac tahun lalu.

"Sindiket yang menyeludup

minyak masak subsidi polibeg satu kg ini tidak pernah 'mati' dan masih bergiat aktif menggunakan lorong tikus di separjang sempadan.

"Biasanya minyak masak subsidi diseludup ke negara jiran itu dijual dengan mengekalkan rupa asal tanpa ditukar peket jenama syarikat pengeluar tempat pada polilog.

"Margin untung bersih diperoleh sindiket amat lumayan Sumber

subsidi lain seperti minyak petrolium dan gas petroleum cecair (LPG).

"Kerana itu-lah amat mudah untuk mengenal pasti minyak masak Malaysia (di Thailand) kerana masih terdapat jenama dan alamat syarikat Pengeluar Pada peket minyak masak berkemahan,

Menurutnya, risikan dilakukan pihak berkusa mendapat minyak masak subsidi Malaysia dijual berleluasa di bandar selatan Thailand seperti di Satun, Padang Besar, Betong, Sadao dan Kolok.

"Pergi sahaja ke kedai rungit, pasar raya kecil atau pasar basah (di negara jiran), minyak masak Malaysia pasti

akan ditemui.

"Perang terhadap penyelundupan minyak masak ini tidak akan selesai selagi wujud permintaan (pengguna Thailand) dan 'hanut' yang mengusung keluar barang kawalan ini.

"Kerajaan masih mengekalikan pemberian subsidi minyak masak adalah bagi memastikan rakyat Malaysia mendapatkan bekalan minyak masak bagi kegunaan isi rumah pada harga mampu milik. Malangnya keistimewaan ini disalah guna sekian lama," katanya.

Menurutnya, lebih 60,000 tan minyak masak bersubsidi diedarkan di seluruh negara setiap bulan termasuk di kawasan luar bandar dan jumlah itu mencukupi bagi kegunaan rakyat Malaysia.

"Walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa melakukannya pemantauan ke atas penjualan dan syarikat pembungkus minyak masak se-

lain memerlukan peruntic, pemborong dan pasar raya, namun jenayah penyelundupan ini terus berlaku," katanya.



BUKTI minyak masak subsidi peket 1kg keluaran Malaysia yang masih dijual di Thailand.

SELUDUP MINYAK MASAK BERSUBSIDI KE NEGARA JIRAN

LARANGAN BAHARU BAIKAL DIKENAKAN

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Kejayaan besar dicapai apabila Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berjaya merampas minyak masak bersubsidi dianggarkan bernilai lebih RM16.2 juta.

Rampasan minyak masak yang juga barang kawalan bersubsidi itu dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bermula 2017 hingga Ogos lalu.

Pengangkutan KPDNHEP Putrajaya berkata, jumlah rampasan itu membabitkan 408 kes minyak masak bersubsidi dikendalikan KPDNHEP di seluruh negara. Menurutnya, tindakan rampasan turut dibantu Agensi Pengangkutan Maritim Malaysia (APMM) membabitkan 16 rampasan, Pasukan Gerakan Am (PGA) (197 kes), Polis Diraja Malaysia (155 kes), Kastram Diraja Malaysia (6 kes), Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) (52 kes), Paskuan Polis Marin (PPM) (27 kes) dan Angkatan Tentera Malaysia (42 kes).

"Kegiatan penyeludupan

minyak masak ke negara jiran masih berlaku berikutan harag runcit pengguna untuk minyak masak jenis peket satu

dan keluasan kawasan. "KPDNHEP turut akan mengakui langkah mengeluarkan satu lesen kepada satu syarikat iaitu sama ada lesen borong atau lesen runcit untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan," katanya.

Menurutnya, tindakan menggantung dan menarik balk kuota dan lesen minyak masak ke atas syarikat akan dilakukan jika didapat melakukannya penyelewengan dan penyeludupan.

"KPDNHEP amat memandang serius syarikat yang didapati terhabit dalam aktiviti penyelewengan, terutamanya syarikat yang diberi lesen dan kuota untuk pembungkusan dan pembotolan barang kawalan dan subsidi.

"Tindakan ini perlu sebagai



KPDNHEP serius tangani ketirisan minyak masak bersubsidi.

dan pembungkusan menyahurkan minyak masak dari negeri lain ke negeri bersempadan dengan Thailand iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

"Selain itu KPDNHEP akan membuat penilaian dan penyelarasannya semula ke atas jumlah kuota minyak masak oleh syarikat pembungkusan yang beroperasi di negeri bersempadan semula ke atas jurang atau dirakik balk kuota membabitkan barang kawalan minyak masak," ka-

tanya.

Terbaharu, katanya, KPDNHEP Johor dan Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya membuat serbuan terhadap sebuah premis di kawasan Perindustrian Tanjung Pelepas Gelang Patah, Johor Bahru pada Ahad lalu.

Bangunan itu dijadikan tempat pengumpulan dan transit minyak masak sebelum minyak masak itu dihantar ke satu lokasi bersinggan untuk digunting dan dipindahkan ke dalam tong industri.

"Dua lelaki ditahan dan pelbagai jenama minyak masak seberat 15,432 kilogram di rampas. Tindakan sama turut dilakukan di sebuah premis di kawasan Perindustrian Pekan Nenas Pontian, Johor sebelum KPDNHEP menemui minyak masak dan peralatan seperti mesin pemotong, plastik, mesin pengepam dan watter hose jenis getah yang dipercayai digunakan untuk tujuan memindahkan bekalan minyak masak bersubsidi ke dalam tong kosong bagi tujuan dijual semula di pasaran



ANTARA minyak masak bersubsidi yang dirampas pihak berkuasa selepas dipercayaai dijual ke luar negara.

industri.

"Hasil siasatan awal mendapati modus operandi sindiket ini adalah mendapatkan bekalan minyak masak 1 kg bersubsidi daripada syarikat pembekal di sekitar Lembah Klang dan beberapa negeri lain berdasarkan beberapa jenama minyak masak dijumpai.

"Minyak masak bersubsidi ini akan dikumpul, dipotong dan dipindahkan ke tong industri dan disyaki dijual semula oleh pihak sindiket di pasaran industri dengan harga yang lebih mahal demi mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi.

"Jumlah keseluruhan mi-

nyak masak yang disita adalah sebanyak 36,495 kilogram dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan sebanyak RM 115 397.50," katanya.

Tambahnya, KPDNHEP turut berjaya membanteras aktiviti penyelewengan barang kawalan dan subsidi meliputi minyak masak dan gas petroleum cecair (LPG) baru-baru ini.

Menurutnya, jenayah sebegini memberi impak yang besar kepada bekalan barang itu di pasaran untuk kegunaan rakyat Malaysia dan di masa yang sama menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian berjuta ringgit.

Harga telur ayam gred B naik 59 sen

Kuala Lumpur: Harga 30 telur ayam gred B di pasaran Semenanjung mencatatkan kenaikan 59 sen dalam tempoh dua minggu bermula 29 Ogos hingga Ahad lalu.

Berdasarkan data Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang diberikan kepada Harian Metro hari ini, kenaikan secara berperingkat-peringkat sehingga mencapai 53 sen pada 5 September lalu berbanding harga pada 29 Ogos bagi telur gred B untuk 30 biji.

Telur ayam gred B 30 biji dijual pada harga RM12.07 pada 29 Ogos tetapi naik kepada RM12.60 pada 5 September iaitu seminggu selepas itu.

Enam hari kemudian, harga telur naik lagi 3 sen menjadikannya RM12.63 sen untuk 30 biji.

Ahad lalu, berlaku lagi

24 sen

Jumlah kenaikan
harga daging
lembu tempatan

kenaikan harga telur gred B di Semenanjung menjadikannya dijual pada harga RM12.66 sen.

Dalam pada itu, data KPDNHEP berkenaan turut menunjukkan harga ayam bersih standard dan daging lembu tempatan mencatatkan kenaikan dalam tempoh sama manakala daging kerbau import serta ikan kembung menunjukkan penurunan.

Ayam bersih standard naik daripada RM7.91 se-kilogram pada 29 Ogos kepada RM8.87 setakat Ahad lalu manakala daging lembu tempatan naik 24 sen daripada RM36.21 kepada RM36.45.



PEKERJA kedai runcit menyiapkan telur dipesan pelanggan di kedainya di Jalan Tuanku Munawir, Seremban, semalam.

'Kartel manipulasi pasaran ayam'

Kuala Lumpur: "Saya mengesyaki ada 'kartel' (memanipulasi harga pasaran ayam) yang menjadi dalang dan persoalannya sampai bila kita mahu membikarkan mereka terus mengaut untung?" kata Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan (*gambar*).

Nadzim memberi reaksi itu berhubung isu kenaikan harga ayam di pasaran yang dikatakan berlaku akibat masalah perolehan dedak untuk ternakan itu.

Beliau enggan mengulas lanjut mengenai kemungkinan wujud pihak tidak bertanggungjawab cuba memanipulasi pasaran ayam di negara ini, sebaliknya berharap isu itu ditangani sebaik-baiknya.

"Dalam setahun, dua kali saya terima rungutan pengguna mengenai kenaikan harga ayam di pasaran dan terbaru saya te-

rima aduan harga ayam dipercayai naik kerana dedak dan bahan itu bukan saja mahal, tetapi sukar diperoleh di pasaran.

"Perkara ini sensitif untuk diulas lebih lanjut kerana saya pasti ada penguatkuasaan dijalankan pihak berkuasa cuma tidak pasti sejauh mana hasilnya. Saya mengesyaki ada kartel menjadi da-

lang," katanya.

Nadzim meminta pengguna tidak menuding jari kepada peniaga dan penternak saja sebagai punca kenaikan harga ayam di pasaran ini kerana semua pihak termasuk pihak berkuasa bertanggungjawab menangani isu berkenaan.

Beliau turut mendangkan kerajaan dan pihak berkuasa mewujudkan satu polisi jangka panjang yang bukan hanya berupaya menstabilkan harga ayam di pasaran, tetapi menjaga kepentingan semua pihak.





Anak ayam mahal punca harga naik

KPDNHEP Perak terus pantau harga ayam di pasaran

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Peningkatan harga anak ayam antara faktor dikenalpasti punca kenaikan harga ayam di pasaran. Exco Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Masyarakat Sivil Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri berkata, keadaan itu menyebabkan penternak mengurangkan pembelian anak ayam dan pengurangan bekalan di pasaran.

"Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga telah melakukan siasatan.

"Terdapat beberapa faktor kenaikan harga ayam iaitu peningkatan harga dedak yang mana sebelum ini RM800 satu tan. Sekarang maklumat yang kita terima meningkat kepada RM1,400 satu tan.

"Selain itu, masalah di peringkat ladang apabila mereka mengalami kekurangan pekerja asing dan terpaksa menggaji pekerja tempatan dengan kos yang lebih tinggi," katanya kepada pemberita



selepas meninjau Pemantauan Harga Maksimum Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 di pusat membeli-belah Ipoh Parade, di sini pada Selasa.

Abdul Yunus berkata, disebabkan keadaan itu, penternak mengalami peningkatan kos di peringkat ladang.

Jelasnya, KPDNHEP Perak giat melakukan pemeriksaan di seluruh negeri dan mendapati terdapat beberapa lokasi yang menjual ayam pada harga tinggi sehingga RM11.50 sekilogram seperti di Pasar Awam Gopeng.

Menurutnya, terdapat juga ayam yang dijual pada harga RM5.90 di pasar raya disebabkan pihak pasar raya mempunyai kon-

trak dengan pihak ladang memastikan harga yang diperoleh lebih rendah dan stabil.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, KPDNHEP akan sentiasa memantau dan mencari jalan untuk menstabilkan harga ayam di pasaran seluruh Perak memandangkan ia akan berlarutan dalam jangka masa panjang.

Sementara itu mengenai penjualan kit ujian pantas antigen Covid-19 di Perak, Abdul Yunus menjelaskan sehingga kini tiada sebarang aduan diterima KPDNHEP mengenai harga jualan melebihi yang ditetapkan.

Tambah beliau, sejak 5 September lalu sebanyak 125 premis telah diperiksa.

Abdul Yunus (dua kiri) ketika mengadakan sesi tinjauan Pemantauan Harga Maksimum Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 di pusat membeli-belah Ipoh Parade pada Selasa.

Isu harga ayam, telur naik

‘Penternak terjejas jika laksana kawalan harga’

FLFAM saran kementerian siasat punca kenaikan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) menjangka sebahagian besar rantaian pengusaha ternakan ayam dan telur di negara ini, akan terjejas sekiranya skim kawalan harga dilaksanakan dalam masa terdekat.

Penasihatnya, Datuk Jeffrey Ng, berkata langkah itu hanya sesuai dilaksanakan jika Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti punca sebenar kenaikan harga ayam dan telur.

Beliau berkata, antara lain dengan melakukan siasatan menyeluruh di setiap rantaian terbabit meliputi penternak, pemborong dan peruncit.

“Pada sesi libat urus bersama KPDNHEP dan MAFI, pagi tadi (semalam), kementerian ada mencadangkan kawalan harga mungkin terpaksa dilaksanakan jika harga tidak mampu dikawal.

“Bagi pihak penternak, kami memahami perkara itu kerana



Sebahagian peniaga ayam di Pasar Chow Kit menjual ayam dengan harga RM9.50 sekilogram, semalam.

(Foto BERNAMA)

kenaikan harga terbabit sudah tentu membebani dan menjaskan kuasa beli pengguna.

"Bagaimanapun, kami menyatakan supaya kementerian berkaitan melakukan siasatan terperinci terlebih dahulu mengenai punca sebenar kenaikan harga itu.

"Selain masalah dihadapi penternak susulan peningkatan kos makanan ayam, cabaran lain ialah merungkai sama ada terdapat pihak dalam rantai terbabit yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlipat kali ganda," katanya kepada BH.

Jeffrey berkata, pihaknya juga menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat sama ada wujud kartel menjadi dalang di sebalik kenaikan harga itu.

"Sebagai penternak, kami ha-

nya bertindak membekalkan ayam serta telur dari ladang, namun rantai keseluruhan adalah lebih besar. Justeru, tidak dapat dipastikan peringkat mana terbabit jika benar berlaku kawalan kartel ke atas harga semasa ayam dan telur.

"Misalnya, ada peniaga di pasar mendapatkan bekalan ayam daripada beberapa orang tengah melalui rantai yang berlapis-lapis, dengan tempahan tidak dibuat terus kepada penternak. Ini menyebabkan agak sukar untuk mengenal pasti jika ada pihak mengambil kesempatan.

"Justeru, kami amat berharap kerajaan menyiasat dan mengenakan hukuman tegas jika didapati ada pihak mengaut keuntungan secara berlebihan," katanya.

Sementara itu Setiausaha Agung Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Sukhdave Singh, berkata kerajaan wajar membuat kajian terperinci dengan mengambil kira pelbagai permasalahan dihadapi penternak dan peniaga, sebelum memutuskan cara terbaik untuk mengawal harga ayam serta telur daripada terus meningkat.

"Antara lain, kerajaan perlu membuat kajian lebih mendalam terhadap isu kos tinggi makanan ayam yang kerap diutarakan penternak," katanya.

Sukhdave menjelaskan, pelaksanaan kawalan harga mungkin menguntungkan pengguna, namun boleh mengakibatkan pendapatan rantaian pengusaha dan penternak ayam terjejas lebih teruk kerana menampung kos pengeluaran yang tinggi.

Justeru, beliau berpandangan antara jalan penyelesaian terbaik ialah mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, ke atas peniaga yang dikesan mengaut keuntungan berlebihan.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr Jacob George pula berpendapat kawalan harga bukan langkah penyelesaian terbaik.

Sebaliknya, beliau berkata, ia mungkin mengakibatkan rantai pengusaha ayam dan telur, terutama penternak terpaksa gulung tikar, sekali gus mengakibatkan masalah bekalan makanan itu di seluruh negara.

Beri subsidi kepada penternak ayam tidak selesai masalah

ALOR SETAR — Persatuan Pengguna Kedah (Cake) berpendangan cadangan kerajaan untuk memberikan subsidi kepada penternak ayam berskala besar bukan langkah terbaik untuk menstabilkan harga barang mentah itu di pasaran.

Setiausahaanya, Mohammad Yusrizal Yusoff berkata, kerajaan sebaliknya perlu mencari jalan penyelesaian jangka masa panjang yang akhirnya memberi situasi menang-menang kepada penternak dan pengguna.

"Dalam urusan pembekalan ayam ini, yang terkesan ialah penernak, peniaga ayam dan seterusnya pengguna.

"Kadang-kadang ada lima

menyebabkan ada pihak akan mengambil kesempatan.

"Harga (ayam) akan naik dan akhirnya rakyat yang terpecah," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Selain itu, kata beliau, langkah terbaik yang boleh dilakukan kerajaan adalah dengan menghapuskan 'tangan hitam' atau orang tengah yang mengambil kesempatan dalam urusan pembekalan ayam.

"Dalam urusan pembekalan ayam ini, yang terkesan ialah penernak, peniaga ayam dan seterusnya pengguna.

"Kadang-kadang ada lima

nyebabkan harga ayam di pasar meningkat," ujarnya.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu memikirkan cara untuk mengurangkan penglibatan

orang tengah dalam memastikan harga ayam segar kekal berpatutan dan tidak naik melampau. "Agenzia-agensi di bawah kementerian itu boleh bertindak sebagai orang tengah atau pemborong," katanya.

Kosmo! pada Ahad lalu me-

lakukan kerjaan bercadang untuk menetapkan harga siling ayam segar sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi kenaikan mendasak makanan paling popular di negara ini.



HARGA siling ayam segar dijangka selesaikan harga ayam secara jangka panjang. — GAMBAR HIASAN

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : RABU
TARIKH : 15/09/2021
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan		HARGA (RM/kg)		Sumber: KPDNHEP	
Ayam	RM5.99	Telur Gred A	RM12.60	Gula Pasir	RM2.85
Daging Lembut Tempatan	RM35	Ikan Kembung	RM12.90	Bawang Besar Holland	RM2.89
Daging Lembut Import	RM25	Minyak Masak	RM6.50	Bawang Putih	RM6.89
				Cili Merah	RM9.59
				Kubis Bulat Tempatan	RM2.19
				Tepung Gandum	RM2.19



Senarai Harga Barang Keperluan